

Borang Cadangan Pemilik Rumah / Isi rumah

**JADUAL 9 AKTA
PERKHIDMATAN
KEWANGAN 2013
(FSA)****NOTIS PENTING****Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini. Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini, anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.

Sila lihat waranti premium 60 hari yang dikepulkan kepada polisi. Menurut waranti ini, Polisi Insurans akan terbatal secara automatik kecuali setelah premium penuh dibayar kepada penginsurans dalam masa 60 hari daripada tarikh bermulanya perlindungan. Jika insurans ini diuruskan melalui Broker Insurans anda, maka Broker berkenaan akan bertindak bagi pihak anda untuk mengadakan kontrak insurans ini. Adalah mustahak untuk anda membuat pembayaran premium penuh kepada Broker anda dengan secepat mungkin iaitu dalam tempoh 60 hari waranti premium tersebut agar Broker anda dapat meremit premium lebih awal kepada penginsurans anda. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan resit Broker dan Penginsurans daripada Broker anda untuk premium yang telah dibayar.

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja Nota Lindung _____ Ejen _____ No. Polisi _____

Nama Pencadang _____

No. Pendaftaran Perniagaan/No. KP _____

Alamat Surat-menyurat _____
_____ Poskod _____

Penerima Gadai Janji/Penerima Caj (jika berkenaan) _____ No. Rujukan Bank _____

Tempoh Insurans Dari _____ Hingga _____ (termasuk kedua-dua tarikh)

Situasi Harta _____
_____ Poskod _____

1. a) Adakah semua bangunan (termasuk bangunan tambahan dan bangsal) dibina menggunakan batu-bata, batu atau konkrit dan bumbungnya menggunakan batu loh, jubin, konkrit, logam atau asbestos? Jika tidak, sila nyatakan bahan binaan atap dan dinding luarnya. Ya Tidak
Bambung _____ dinding luar _____
- b) Adakah semua bangunan terpisah sepenuhnya? Ya Tidak
i) Dinding _____ ii) Bambung _____
- c) Ketinggian Bangunan _____ tingkat
- d) Tahun Pembinaan _____
2. Sila nyatakan jenis kediaman anda (tandakan mana-mana yang berkaitan)
 - a) Sebuah rumah Kediaman Persendirian. Sila nyatakan jarak dari bangunan terdekat (termasuk pondok kecil di luar)
 - b) Rumah Kediaman Persendirian Bersambung
 - c) Flat/Apartmen/Kondominium
3. Adakah kediaman ini didiami oleh anda dan keluarga serta orang gaji anda? Ya Tidak
Jika tidak, nyatakan bilangan penyewa lain, penghuni tumpang, penginap atau tetamu yang membuat bayaran.

4. Adakah sebarang perniagaan, perdagangan atau proses pengilangan berlangsung di mana-mana bahagian bangunan yang dinyatakan di atas? Ya Tidak
(Jika kediaman merupakan flat yang terletak di atas kedai atau premis lain, sila nyatakan jenis perniagaan yang dijalankan di premis tersebut)

5. Adakah kediaman tersebut akan kerap ditinggalkan kosong? Ya Tidak
(Perhatian harus diberikan kepada Peruntukan Polisi yang menyatakan bahawa perlindungan Kecurian akan digantung untuk sebarang tempoh melebihi 90 hari apabila kediaman ditinggalkan tanpa penghuni bagi mana-mana satu tempoh insurans melainkan dipersetujui secara khusus oleh Syarikat)
6. Adakah bangunan dibaiki dengan sempurna dan akan disenggara sebaiknya? Ya Tidak

7.	Adakah insurans diperlukan terhadap:		Ya	Tidak
	a) i) Lanjutan bagi liputan kecurian tetapi tidak termasuk kecurian oleh pembantu rumah atau mana-mana ahli Isi Rumah anda (di bawah kandungan sahaja).	0.250%	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	ii) Lanjutan bagi liputan kecurian termasuk kecurian oleh pembantu rumah (di bawah Kandungan sahaja)	0.375%	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	b) Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Berniat Jahat (di bawah Bangunan dan/atau Kandungan)	0.010%	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	c) Kerosakan akibat kemalangan kepada kepingan kaca (di bawah Bangunan sahaja)	0.050%	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	d) Insurans sewa di bawah Manfaat Tambahan (E) polisi melebihi 10% daripada Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan atas Bangunan dan/atau Kandungan Kadar : Bangunan/Kandungan yang mana berkenaan.		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	e) i) Penenggelaman & Tanah Runtuh (di bawah Bangunan dan/atau Kandungan)	0.081%	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	ii) Dilanjutkan untuk meliputi item (a) Manfaat Pilihan ini dengan pembayaran premium tambahan berasaskan jumlah diinsuranskan berasingan (di bawah Bangunan dan/atau Kandungan)	0.10125%	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(Nota: Kadar akan disebut harga sewaktu permohonan bagi item (a) hingga (e) di atas)

8.	Pernahkah mana-mana Syarikat Insurans yang berkaitan dengan sebarang kontinjensi proposal ini.	Ya	Tidak
	a) Menolak untuk menginsuranskan anda?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	b) Mengenakan syarat khusus untuk menginsuranskan anda?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	c) Membatalkan atau enggan untuk membaharui insurans anda?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	d) Menambah premium anda atau mengenakan syarat khusus pembaharuan?	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Jika pernah, sila nyatakan dengan terperinci _____

9.	Pernahkah bangunan dan/atau kandungannya mengalami kerosakan akibat dari ribut, siklon, taufan, angin ribut atau banjir dalam tempoh lima tahun lalu? Jika pernah, sila nyatakan dengan terperinci.	Ya	Tidak
	_____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

10.	Pernahkah anda mengalami kerugian daripada sebarang kontinjensi yang diinsuranskan?	Ya	Tidak
	_____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Jika pernah, sila nyatakan dengan terperinci _____

11.	Adakah anda mempunyai sebarang Polisi lain yang sedang berkuatkuasa untuk melindungi sebarang kontinjensi yang diinsuranskan?	Ya	Tidak
	_____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Jika pernah, sila nyatakan dengan terperinci _____

12.	Adakah proposal ini menggantikan sebarang insurans Syarikat ini ?	Ya	Tidak
	_____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Jika pernah, sila nyatakan dengan terperinci _____

HARTA BENDA DIINSURANSKAN

JUMLAH diinsuranskan mesti mewakili NILAI PENUH harta benda, di mana Pencadang dikehendaki menandatangani perakuan di bawah. Insurans tertakluk kepada purata, di mana jika pada masa kerugian atau kerosakan, jumlah diinsuranskan adalah kurang daripada nilai penuh hartabenda yang diinsuranskan, maka jumlah yang perlu dibayar dikurangkan secara bersekadar.

BANGUNAN

Rumah Kediaman Persendirian atau Flat/Apartmen/Kondominium Pencadang, dan semua Pejabat Rumah, Bangsal, Garaj dan Bangunan Luar yang digunakan secara khusus berhubung dengannya dan pada premis yang sama termasuk Lekapan dan Kelengkapan di dalamnya dan Dinding, Pintu dan Pagar di keliling dan berkaitan dengannya.

KANDUNGAN

Bagi sebarang bentuk Barangan Isi Rumah dan Peribadi (kecuali yang dinyatakan selepas ini), harta benda Pencadang atau mana-mana ahli Keluarga Pencadang dan kakitangan dalaman yang biasanya tinggal bersama Pencadang dan Kediaman Persendirian Pencadang dan semua Pejabat Rumah, Bangsal, Garaj dan Bangunan Luar yang digunakan secara khusus berhubung dengannya dan di premis yang sama.

Tiada satu barangan (perabot, piano, organ, peralatan rumah, radio, set televisyen, set perakam video, peralatan Hi-Fi dan barangan seperti yang dikecualikan) akan dianggap mempunyai nilai lebih tinggi daripada lima peratus daripada Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan bagi Kandungan tersebut melainkan barangan tersebut diisytiharkan sebagai item berasingan.

NOTA PENTING

1. Nilai Platinum, Barang Emas dan Perak, Barang Kemas dan Pakaian Bulu yang dibayar dibawah Polisi ini adalah terhad kepada satu pertiga daripada Jumlah yang Diinsuranskan atas kandungannya.
2. Polisi ini adalah untuk Rumah Kediaman dan Kandungannya, untuk tujuan kediaman, atau untuk tujuan pejabat kediaman domestik.
3. Polisi ini tidak melindungi harta yang khusus diinsuranskan kecuali yang dinyatakan disini:-

Surat Ikatan, Bon, Bil Pertukaran, Nota Janji Hutang, Cek, Wang Sekuriti, Setem, Dokumen dalam apa jua bentuk, Tunai, Nota Mata Wang, Nota Bank, Manuskrip, Pingat dan Syiling, Kenderaan Bermotor dan Aksesori.

BANGUNAN

KETERANGAN MENGENAI HARTA UNTUK DIINSURANSKAN	Jumlah Diinsuranskan (RM)	Kegunaan Pejabat Sahaja Kadar / Premium
1. Bangunan		
2. Pembuangan Sisa		
3. Bayaran Arkitek, Juru ukur dan Perunding Jurutera		
	Jumlah	

KANDUNGAN

KETERANGAN MENGENAI HARTA UNTUK DIINSURANSKAN	Jumlah Diinsuranskan (RM)	Kegunaan Pejabat Sahaja Kadar / Premium
Kandungan		
Nyatakan mana-mana barangan apa-apa nilai lebih dari lima (5) peratus daripada Jumlah Diinsuranskan ke atas kandungan tersebut.		
Sila sertakan lampiran berasingan jika ruang tidak mencukupi	Jumlah	

KONTRAK INSURANS PENGGUNA

PENGISYTIHARAN DAN TANDATANGAN

Saya/Kami faham bahawa menjadi tanggungjawab saya/kami untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dan saya/kami dengan ini mengaku bahawa saya/kami telah menjawab dengan sepenuhnya dan dengan tepat soalan di atas.

Saya/Kami selanjutnya bersetuju untuk menerima tanggungan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dan disahkan di Polisi Syarikat serta akan membayar premium yang berkaitan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh mula Polisi.

Saya/Kami juga mengaku bahawa **JUMLAH YANG DIINSURANSKAN MEWAKILI TIDAK KURANG DARIPADA NILAI PENUH HARTA**, seperti yang disebutkan di atas, dan saya/kami bersetuju bahawa tiada insurans akan berkuatkuasa sehingga Borang Cadangan ini diterima oleh Syarikat.

Saya/Kami dengan ini memberikan kebenaran tanpa syarat dan tanpa keraguan kepada pihak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutunya untuk memproses data peribadi saya/kami yang didedahkan di sini. Pihak syarikat adalah berkebebasan untuk memproses data berkenaan dan berkongsi maklumat yang didedahkan di sini kepada mana-mana penyedia perkhidmatan dan mana-mana syarikat bersekutunya dengan syarat bahawa pendedahan maklumat peribadi berkenaan adalah bertujuan dan berkaitan dengan insurans yang saya/kami pohon di sini. Kebenaran ini diberikan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Untuk keterangan lanjut berkaitan notis privasi kami, sila lawat laman www.zurich.com.my

Tarikh _____

Tandatangan Pencadang _____

KONTRAK INSURANS KOMERSIAL

PENGISYTIHARAN DAN TANDATANGAN

Saya/Kami mengisytiharkan bahawa semua soalan telah dijawab dengan lengkap dan benar di sepanjang pengetahuan saya. Saya/Kami tidak melindungi sebarang maklumat atau fakta untuk pertimbangan untuk permohonan ini.

Saya/Kami selanjutnya bersetuju untuk menerima tanggungan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dan disahkan di Polisi Syarikat serta akan membayar premium yang berkaitan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh mula Polisi.

Saya/Kami juga mengaku bahawa **JUMLAH YANG DIINSURANSKAN MEWAKILI TIDAK KURANG DARIPADA NILAI PENUH HARTA**, seperti yang disebutkan di atas, dan saya/kami bersetuju bahawa tiada insurans akan berkuatkuasa sehingga Borang Cadangan ini diterima oleh Syarikat.

Saya/Kami dengan ini memberikan kebenaran tanpa syarat dan tanpa keraguan kepada pihak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutunya untuk memproses data peribadi saya/kami yang didedahkan di sini. Pihak syarikat adalah berkebebasan untuk memproses data berkenaan dan berkongsi maklumat yang didedahkan di sini kepada mana-mana penyedia perkhidmatan dan mana-mana syarikat bersekutunya dengan syarat bahawa pendedahan maklumat peribadi berkenaan adalah bertujuan dan berkaitan dengan insurans yang saya/kami pohon di sini. Kebenaran ini diberikan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Untuk keterangan lanjut berkaitan notis provasi kami, sila lawat laman www.zurich.com.my

Tarikh _____

Tandatangan Pencadang _____

Untuk dilengkapi oleh Ejen Insurans, Broker Insurans atau Kakitangan Syarikat Insurans

**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN
HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001
(PENGESEHAN IDENTITI PENCADANG INSURANS)**

Selaras dengan pmatuhan Seksyen 16(3) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001), Saya, dengan ini mengesahkan bahawa Nombor Kad Pengenalan Baru/ Sijil Perniagaan asal pemohon telah disahkan ketulennannya ketika urusan dijalankan.

Pengesahan Pihak Ketiga

Nama _____

No. Kad Pengenalan Baru _____

Tandatangan Ejen Insurans, Broker Insurans atau Kakitangan
Syarikat Insurans

Tarikh _____

Nota : Salinan Kad Pengenalan Baru/Sijil Pendaftaran Perniagaan Pencadang hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang cadangan ini untuk Polisi Insurans Persendirian jika bayaran Premium melebihi RM50,000.

NOTIS PENTING

Semua premium dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.